



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 12 TAHUN 2000

**PINDAAN SKIM PERKHIDMATAN PEGAWAI
TADBIR DAN DIPLOMATIK (PTD)**

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk melaksanakan keputusan kerajaan yang bersetuju meminda beberapa perbekalan dalam skim perkhidmatan Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD).

LATAR BELAKANG

2. Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik merupakan perkhidmatan utama yang bertanggungjawab dalam urusan penggubalan, perancangan, pengawalan dan pelaksanaan dasar-dasar awam serta perhubungan antarabangsa. Selaras dengan perubahan-perubahan yang pesat berlaku dalam era globalisasi dan teknologi maklumat serta peningkatan peranan pekerja bestari (knowledge workers) maka perkhidmatan PTD memerlukan pegawai-pegawai yang mempunyai pengetahuan, kepakaran dan kemahiran yang bersesuaian untuk menghadapi pelbagai cabaran pada masa kini dan akan datang.

PINDAAN

3. Dengan tujuan memperkukuh dan mempermantapkan perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik kerajaan telah bersetuju membuat pindaan-pindaan kepada skim perkhidmatannya.

4. Antara perbekalan yang dipinda syaratnya adalah seperti berikut:-

(a) SYARAT LANTIKAN

Satu ciri baru iaitu Kelayakan Masuk Pelbagai telah diperkenalkan di bawah perbekalan ini sebagai tambahan kepada syarat kelayakan masuk yang sedia ada. Syarat-syarat baru yang dimaksudkan ialah seperti berikut:

- (i) Ijazah Sarjana dari universiti-universiti tempatan atau kelayakan lain yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred M3 P1T4); atau
- (ii) Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) dari universiti-universiti tempatan atau kelayakan lain yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred M3 P1T7).

Sayugia ditegaskan bahawa calon yang akan dilantik dengan kelayakan masuk ijazah Sarjana atau Doktor Falsafah (Ph.D) disyaratkan mempunyai ijazah Sarjana Muda Kepujian dari universiti-universiti tempatan atau kelayakan lain yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

Syarat 1(c)(iii) dalam skim perkhidmatan sekarang iaitu *telah lulus latihan serta mendapat Diploma Pengurusan Awam dari Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)* dipindahkan ke perbekalan **Pengesahan Dalam Perkhidmatan** di perenggan 6.

Syarat-syarat lain di bawah perbekalan **Syarat Lantikan** adalah dikekalkan.

- (b) Di bawah perbekalan ini selain dari syarat-syarat sedia ada yang dikekalkan, satu syarat tambahan iaitu *lulus latihan serta mendapat Diploma Pengurusan Awam dari Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)* dimasukkan. Dengan ini seseorang pegawai hanya boleh disahkan dalam perkhidmatan setelah memenuhi semua syarat tersebut.

5. Skim perkhidmatan PTD yang telah dipinda adalah seperti di **Lampiran A** dan Iklan Jawatan adalah seperti di **Lampiran A1**. Sebarang pindaan ke atas Iklan Jawatan perlu mendapat kelulusan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia.

6. Dengan keputusan kerajaan meminda skim perkhidmatan ini maka segala urusan yang melibatkan pemakaian syarat-syarat skim perkhidmatan bagi perkhidmatan PTD hendaklah berasaskan kepada syarat-syarat baru yang berkuatkuasa.


TARIKH KUATKUASA

7. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuatkuasa mulai 1 Januari 2000.

PEMBATALAN

8. Dengan berkuatkuasanya pindaan skim perkhidmatan PTD ini maka skim perkhidmatan PTD yang berkuatkuasa mulai 1 Januari 1992 melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9 Tahun 1991 adalah dimansuhkan sewajarnya.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "



(TAN SRI DATO' SAMSUDIN BIN OSMAN)

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia.

15 Mei 2000

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan

LAMPIRAN A

**SKIM PERKHIDMATAN PEGAWAI
TADBIR DAN DIPLOMATIK**

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN TADBIR DAN DIPLOMATIK
KUMPULAN PERKHIDMATAN : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
TARIKH KUATKUASA : 1 Januari 2000

Gred	Jadual Gaji
Gred M3	: P1T1 RM1516.90 - P1T23 RM3549.70 P2T1 RM1592.80 P2T23 RM3768.60 P3T1 RM1672.00 P3T23 RM3995.20
Gred M2	: P1T1 RM3440.80 P1T7 RM4424.20 P2T1 RM3611.30 P2T7 RM4634.30 P3T1 RM3788.40 P3T7 RM4851.00
Gred M1	: P1T1 RM4094.20 P1T7 RM5165.60 P2T1 RM4264.70 P2T7 RM5399.90 P3T1 RM4461.60 P3T7 RM5643.00

- SYARAT LANTIKAN**
1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) (i) Ijazah Sarjana Muda Kepujian dari universiti-universiti tempatan atau kelayakan lain yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
(Gaji permulaan pada Gred M3:P1T1); atau
(ii) Ijazah Sarjana dari universiti-universiti tempatan atau

kelayakan lain yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan pada Gred M3:P1T4); atau

- (iii) Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) dari universiti-universiti tempatan atau kelayakan lain yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
(Gaji permulaan pada Gred M3:P1T7);
- (iv) lulus peperiksaan memasuki perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik yang ditetapkan;

(Nota : Bagi kelayakan masuk 1(c)(ii) dan 1(c)(iii), calon disyaratkan mempunyai kelayakan ijazah Sarjana Muda Kepujian dari universiti-universiti tempatan atau kelayakan lain yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan).

- (d) kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan lain yang diiktiraf setaraf dengan oleh kerajaan.

**PENETAPAN GAJI
PERMULAAN**

- 2. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred M3 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

- 3. Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M3 yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 3 tahun.

LATIHAN

- 4. Pegawai Tadbir dan Diplomatik boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PEPERIKSAAN/ KURSUS
INDUKSI**

- 5. Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M3 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Kursus Induksi yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM
PERKHIDMATAN**

- 6. Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M3 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-
 - (a) memenuhi tempoh percubaan;
 - (b) hadir dengan jayanya Kursus Induksi yang ditetapkan;
 - (c) lulus latihan serta mendapat Diploma Pentadbiran Awam daripada INTAN; dan

(d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**PERGERAKAN GAJI
TAHUNAN**

7. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan berdasarkan prestasi kecemerlangan perkhidmatan.

**KURSUS KENAIKAN
PANGKAT**

8. Ketua Jabatan/Perkhidmatan boleh menetapkan kursus untuk tujuan kenaikan pangkat jika diperlukan.

**KENAIKAN PANGKAT KE
GRED M2**

9. Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M3 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M2 yang kosong apabila telah:-

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap kecemerlangan perkhidmatan yang ditetapkan;
- (c) hadir dengan jayanya kursus kenaikan pangkat yang ditetapkan seperti di perenggan 8 di atas jika berkenaan; dan
- (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE
GRED M1**

10. Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M2 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M1 yang kosong apabila telah:-

- (a) mencapai tahap kecemerlangan perkhidmatan yang ditetapkan;
- (b) hadir dengan jayanya kursus kenaikan pangkat yang ditetapkan seperti di perenggan 8 di atas jika berkenaan; dan
- (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE
GRED YANG LEBIH
TINGGI**

11. Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M1 yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka adalah layak dipertimbang kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi yang kosong.

**PERKHIDMATAN DI
DALAM DAN LUAR
NEGERI**

12. Pegawai Tadbir dan Diplomatik yang dilantik di bawah skim perkhidmatan ini adalah dikehendaki berkhidmat samada di dalam atau di luar negeri atas kepentingan perkhidmatan.

LAMPIRAN A1

IKLAN JAWATAN

1. (a) Jawatan : Pegawai Tadbir Dan Diplomatik
 - (b) Agensi : Pelbagai Agensi
 - (c) Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan Dan Profesional
 - (d) Klasifikasi : Perkhidmatan Tadbir Dan Diplomatik
-
2. Jadual Gaji : Gred M3
P1T1 RM1516.90 - P1T23 RM3549.70
P2T1 RM1592.80 - P2T23 RM3768.60
P3T1 RM1672.00 - P3T23 RM3995.20
-
3. Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) (i) Ijazah Sarjana Muda Kepujian dari universiti-universiti tempatan atau kelayakan lain yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan. (Gaji permulaan pada Gred M3: P1T1); atau
 - (ii) Ijazah Sarjana dari universiti-universiti tempatan atau kelayakan lain yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan. (Gaji permulaan pada Gred M3:P1T4); atau
 - (iii) Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) dari universiti-universiti tempatan atau kelayakan lain yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan. (Gaji permulaan pada Gred M3:P1T7);
 - (iv) lulus peperiksaan memasuki perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik yang ditetapkan;

(Nota : Bagi syarat lantikan (c)(ii) dan (c)(iii), calon disyaratkan mempunyai kelayakan masuk ijazah Sarjana Muda Kepujian dari universiti-universiti tempatan atau kelayakan lain yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan).

dan (d) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

4. Taraf Jawatan : Tetap

5. Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan : Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.